

U B292 AAB
MAHATHIR - PELABURAN
(1)

KUALA LUMPUR, 6 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERITAHU SATU SEMINAR PELABURAN BAGI PARA PELABUR AMERIKA DI SINI BAHAWA PENEKANAN PEMBANGUNAN MALAYSIA DALAM DEKAD AKAN DATANG AKAN DITUMPUKAN KEPADA PERINDUSTRIAN YANG BERORIENTASIKAN EKSPORT.

BELIAU BERKATA NEGARA INI AKAN MEMESATKAN PERTUMBUHAN DALAM INDUSTRI KEUTAMAAN YANG TERPILIH BERASASKAN KELEBIHANNYA BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN, PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA DAN PENINGKATAN KEBOLEHAN TEKNOLOGI TERTENTU.

MALAYSIA PADA MASA AKAN DATANG TIDAK AKAN +TERKANDAS+ DI TENGAH-TENGAH OPERASI PEMASANGAN SEMATA-MATA, TEGAS PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN SEMINAR PELABURAN KUMPULAN ANTARABANGSA AMERIKA DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI.

WAKIL-WAKIL 20 BUAH PERBADANAN AMERIKA MENGHADIRI SEMINAR TUJUH HARI ITU, YANG DIANJURKAN SECARA PERSENDIRIAN OLEH KUMPULAN ITU.

+KAMI MAHUKAN TENAGA PEKERJA MALAYSIA MEMPERBAIKI KEMAHIRAN MEREKA KERANA KAMI PERCAYA MASA DEPAN KAMI BERGANTUNG KEPADA PEMROSESAN BAHAN-BAHAN MENTAH KAMI DI PERINGKAT KEDUA DAN KETIGA YANG MEMPUNYAI NILAI TAMBAHAN DAN DALAM INDUSTRI YANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI TINGGI,+ KATANYA. -- LAGI.

1156MST 06 10 86

U B293 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 2 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA BAGI MENCAPAI MATLAMAT ITU MALAYSIA MEMERLUKAN PENGLIBATAN PARA PELABUR ASING KERANA HANYA MENERUSI MEREKA, PELABURAN MODAL, KEUPAYAAN TEKNOLOGI, KEPAKARAN PENGURUSAN DAN JALAN MASUK KE PASARAN DUNIA DAPAT DIWUJUDKAN DI SINI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN DAN RAKYAT NEGARA INI MENYEDARI HAL ITU SEJAK MERDEKA DAN PEMBENTUKAN MIDA BERTUJUAN MEMBANTU PARA PELABUR DALAM SETIAP HAL YANG MUNGKIN BAGI MENJAYAKAN PROJEK PERINDUSTRIAN MEREKA DI SINI.

KERAJAAN, KATANYA, BERSIKAP PRAGMATIS DALAM BERURUSAN DENGAN PELABUR DAN PERUBAHAN BARU-BARU INI MENGENAI PEMEGANGAN EKUITI ASING DI MALAYSIA DAN USAHA YANG SEDANG BERJALAN BAGI MENGUBAH PERATURAN TERTENTU MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PENDIRIAN ITU.

SAMBIL MENYATAKAN KINI WUJUD MASALAH PENGANGGURAN, PERTUMBUHAN YANG TIDAK BERLAKU SEBAGAI DIHARAPKAN DAN HARGA KOMODITI YANG RENDAH, PERDANA MENTERI BERKATA PENEKANAN NEGARA SEKARANG IALAH KE ATAS USAHA MEWUJUDKAN KEKAYAAN DARIPADA PENGAGIHAN KEKAYAAN.

BELIAU SETERUSNYA MENEGASKAN BAHAWA PENEKANAN ITU BAGAIMANAPUN TIDAK AKAN MENJEJAS MEREKA YANG TELAH MELABUR DI NEGARA INI SEMASA MEREKA AMAT DIPERLUKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PARA PELABUR AMERIKA YANG BERHASRAT MELABUR DI SINI TIDAK SAJA AKAN MENERUSKAN RANCANGAN MEREKA TETAPI JUGA MENGAJAI PENINGKATAN PELABURAN EKORAN KELONGGARAN SYARAT-SYARAT PELABURAN ITU.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PESERTA SEMINAR BAHAWA DENGAN MELABUR DI SINI MEREKA TIDAK SAJA MEMBANTU DIRI MEREKA SENDIRI TETAPI JUGA AMERIKA SYARIKAT DAN MASYARAKAT PEKERJANYA DAN MEREKA BERPANDANGAN SINGKAT JIKA HANYA MELABUR DI NEGARA SENDIRI SAJA.

+DARIPADA SEGI JUMLAH PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN AS, APA YANG TELAH ANDA LABURKAN MUNGKIN MERUPAKAN SEPARUH DARIPADA SETITIK AIR DALAM LAUTAN. TETAPI PERKARA-PERKARA KECIL BOLEH MENDATANGKAH HASIL BESAR - SEKALIPUN DALAM PERNIAGAAN.

+DUNIA SEMAKIN SALING BERGANTUNGAN. TIDAK ADA NEGARA YANG SERBA LENGKAP SECARA BERSENDIRIAN. TIDAK DAPAT TIDAK KITA MESTI MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA SISTEM EKONOMI DUNIA. KITA PERLU BERDAGANG ANTARA SATU SAMA LAIN,+ KATANYA.

MENGENAI RANCANGAN MALAYSIA KELIMA, PERDANA MENTERI BERKATA MENURUT RANCANGAN ITU MENJELANG Hujung RANCANGAN LIMA TAHUN ITU MALAYSIA DIUNJURKAN BERKEMUNGKINAN DAPAT MENYERTAI KUMPULAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN YANG BARU MUNCUL. -- LAGI.

1227MST 06 10 86

D780

U B299 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 4 KUALA LUMPUR
(I)

BELIAU BERKATA MALAYSIA AKAN MEMESATKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI YANG MENGGUNAKAN SUMBER SEMULA JADI GETAH, KAYU, MINYAK SAWIT, TIMAH, TANAH LIAT DAN SILIKA DALAM TEMPOH RANCANGAN ITU.

BELIAU BERHARAP MENERUSI PEMBANGUNAN ITU, MALAYSIA AKAN MENJADI PENGKESPORT TERKEMUKA BARANG-BARANG KELUARAN SEPERTI TAYAR, BAHAN-BAHAN GETAH KEPERLUAN INDUSTRI, BAHAN-BAHAN TEPAT MUTU, ACUAN KAYU DAN PERABUT TIDAK LAMA LAGI. -- BERNAMA.

1233MST 06 10 86